





**LAPORAN  
KAJIAN KEBERKESANAN  
PENGANJURAN  
JOM MASUK U 2025  
ZON SABAH**



## LAPORAN KAJIAN KEBERKESANAN PENGANJURAN JOM MASUK U 2025 ZON SABAH

Hak Cipta Politeknik Merlimau Melaka, 2025 /  
Copyright Politeknik Merlimau Melaka, 2025

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Politeknik Merlimau Melaka terlebih dahulu.

*All right reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Politeknik Merlimau.*

**eISBN 978-629-7737-49-2**

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*

Politeknik Merlimau Melaka  
KM2.5, Jalan Merlimau-Jasin  
77300 Merlimau  
Melaka  
Tel : 06-263 6687  
Faks : 06-2636678

<https://pmm.mypolycc.edu.my/>



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati  
dari Perpustakaan negara Malaysia

**eISBN 978-629-7737-49-2**

/2025

# S

# KANDUNGAN

Laporan  
Kajian  
Keberkesanan  
Penganjuran  
**Jom Masuk U**  
**2025**  
Zon  
Sabah

<b>1</b> Ahli Penyelidik Jom Masuk U Zon Sabah m/s.v	<b>2</b> Abstrak m/s.1	<b>3</b> BAB 1 Pengenalan m/s.2	<b>4</b> Pernyataan Masalah m/s.4	<b>5</b> BAB 2 Tinjauan Literatur m/s.9
<b>6</b> BAB 3 Pendekatan Kajian m/s.14	<b>7</b> BAB 4 Analisis Data m/s.15	<b>8</b> BAB 5 Perbincangan m/s.25	Rujukan m/s.31	





# Ahli Pengelidik



Penaung	<b>Dr. Shamsuri bin Abdullah</b>
Penasihat	<b>Ts. Abdul Razak bin Sabtu</b>
Pengerusi	<b>Dr. Shahiza binti Ahmad Zainuddin</b>
Pengerusi bersama	<b>Haji Azirin bin Abdul Aziz</b>
Fasilitator	<b>Ts. Dr. Mohd Norhadi bin Muda (Ketua)</b> <b>Muhd Zaki bin Mustapha</b>
Penyelaras	<b>Mohd Mustaqim bin Maludin</b> <b>Mohamad Fazil bin Mohamad Kamaruzaman</b>
Pengyelidik Zon Sabah	<b>Ahmad Syukri bin Mohamed Yunus (Ketua)</b> <b>Shafura binti Shariff</b> <b>Muhd Zaki bin Mustapha</b>
Reka Bentuk	<b>Rohaida binti Razi, CiDe</b>

# 1.0 ABSTRAK

Program Jom Masuk U (JMU) 2025 merupakan inisiatif penting bagi meningkatkan kesedaran dan penyertaan pelajar dalam pendidikan tinggi di Zon Sabah.

Kajian Keberkesanan Penganjuran Program Jom Masuk U 2025 Zon Sabah dilaksanakan untuk menilai keberkesanan Program Jom Masuk U 2025 Zon Sabah berdasarkan empat konstruk utama iaitu kandungan program, tahap kesedaran pelajar terhadap pendidikan tinggi, keberkesanan pelaksanaan dan cadangan penambahbaikan.

Objektif kajian adalah untuk menilai tahap kesedaran tentang program di Institusi Pengajian Tinggi Zon Sabah, keberkesanan penganjuran JMU 2025 serta menyediakan cadangan strategik penambahbaikan.

Kajian menggunakan pendekatan kuantitatif melalui soal selidik yang melibatkan 1111 responden terdiri daripada pelajar, lepasan SPM, ibu bapa, kaunselor,


guru, urusetia dan pempamer. Nilai kebolehpercayaan instrumen adalah tinggi, Cronbach Alpha 0.92.

Analisis deskriptif menunjukkan program berada pada tahap sangat berkesan dengan nilai min keseluruhan 4.34 di mana konstruk penganjuran mencatatkan nilai tertinggi (4.37) diikuti keberkesanan (4.35) dan kesedaran (4.28). Analisis korelasi menunjukkan hubungan sangat kuat antara penganjuran dengan keberkesanan (0.923) dan kesedaran (0.897), manakala hubungan antara kesedaran dan cadangan penambahbaikan juga kuat (0.858).

Kajian mengesahkan pencapaian matlamat utama program dalam meningkatkan kesedaran dan keberkesanan namun menegaskan keperluan penambahbaikan strategik dalam aspek tadbir urus, kewangan serta reka bentuk dan kandungan program untuk memastikan program kekal relevan dan berimpak pada masa hadapan.

# 1.1 PENGENALAN

**S**istem pendidikan di Sabah diselaraskan dengan dasar pendidikan kebangsaan, termasuk pelaksanaan peralihan berperingkat kepada penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama. Penstrukturan sistem persekolahan negeri ini dilaksanakan di bawah tanggungjawab Kementerian Pendidikan Malaysia dengan mengambil kira latar belakang budaya, sejarah dan geografi Sabah yang berbeza daripada negeri-negeri lain di Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2023).



Akses kepada pendidikan tinggi penting untuk memperluas peluang dan membangunkan modal insan. Peluang menyambung ke institusi pengajian tinggi perlu dipermudahkan melalui program kemasukan dan sokongan kewangan, khususnya bagi pelajar luar bandar dan berpendapatan rendah.

Maklumat laluan pendidikan yang jelas dan mudah diakses adalah kritikal bagi membantu pelajar membuat pilihan tepat berkenaan hala tuju pendidikan mereka. Penyebaran maklumat secara efektif melalui kaunselor, platform digital dan program komuniti memastikan akses pendidikan tinggi yang lebih inklusif dan saksama (Smith, 2021).

Pendidikan tinggi dalam bidang Teknologi dan Pendidikan Vokasional (TVET) memainkan peranan penting dalam menyediakan kemahiran teknikal yang sejajar dengan keperluan industri. Institusi seperti politeknik, kolej komuniti dan institut latihan vokasional di Sabah menawarkan program latihan praktikal yang merangkumi peringkat sijil hingga PhD.

**Para peserta berpeluang berinteraksi secara langsung dengan wakil institusi pengajian tinggi, mendapatkan nasihat pemilihan program serta membuat perbandingan kursus secara lebih mudah. Pendekatan ini diyakini dapat membantu pelajar membuat keputusan yang lebih tepat berhubung masa depan pendidikan mereka, sekaligus menyokong usaha mewujudkan akses pendidikan yang inklusif dan saksama di negeri Sabah (Abdul Rahman, 2022; Ahmad & Lee, 2021).**

Pendekatan ini menyediakan alternatif yang kukuh kepada pendidikan akademik tradisional, meningkatkan akses kepada pendidikan berorientasikan kemahiran dan menyokong agenda nasional dalam mempertingkatkan daya saing negara melalui pembangunan modal insan berkemahiran tinggi (Lee & Tan, 2020).

Melalui program ini, maklumat berkaitan proses permohonan, bantuan kewangan dan peluang pengajian disampaikan secara langsung kepada bakal pelajar (Ward, 2022). Program ini juga merupakan satu inisiatif

penting dalam menyediakan maklumat terperinci berkenaan laluan pendidikan tinggi. Para peserta berpeluang berinteraksi secara langsung dengan wakil institusi pengajian tinggi, mendapatkan nasihat pemilihan program serta membuat perbandingan kursus secara lebih mudah. Pendekatan ini diyakini dapat membantu pelajar membuat keputusan yang lebih tepat berhubung masa depan pendidikan mereka, sekaligus menyokong usaha mewujudkan akses pendidikan yang inklusif dan saksama di negeri Sabah (Abdul Rahman, 2022; Ahmad & Lee, 2021).

# 1.2 PENYATAAN MASALAH

1

Tahap kesedaran awal mengenai peluang melanjutkan pengajian ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam kalangan pelajar luar bandar di Sabah masih rendah. Kekurangan maklumat yang jelas dan mudah diakses mengenai program pengajian menyukarkan pelajar membuat keputusan yang tepat berhubung hala tuju pendidikan mereka (Ismail & Hassan, 2020). Walaupun Program Jom Masuk U 2025 Zon Sabah berperanan menyampaikan maklumat dan memberi motivasi, masih terdapat keperluan untuk penambahbaikan dalam aspek pemilihan program yang sesuai dengan minat dan potensi pelajar (Yusof et al., 2021).

2

Kesedaran terhadap bidang pengajian yang relevan dengan keperluan industri seperti Teknologi dan Pendidikan Vokasional (TVET) juga masih terbatas. Hal ini menunjukkan perlunya pendekatan yang lebih berkesan dalam menyampaikan maklumat berkaitan laluan pendidikan tinggi termasuk proses permohonan dan peluang pembiayaan (Abdullah & Ramli, 2019). Kajian menunjukkan bahawa pelajar luar bandar menghadapi cabaran dari segi akses maklumat, kekangan masa dan kekurangan sokongan komuniti dalam membuat keputusan pendidikan (Mohamad et al., 2022).

3

Penambahbaikan yang dicadangkan termasuklah pelaksanaan kajian yang lebih mendalam mengenai keperluan pendidikan di Sabah serta penglibatan komuniti secara aktif dalam program seperti Jom Masuk U. Pendekatan ini diyakini dapat meningkatkan kesertaan pelajar dari pelbagai latar belakang dan menyokong usaha mewujudkan akses pendidikan tinggi yang lebih inklusif dan saksama (Zainal & Omar, 2020).

# 1.3 OBJEKTIF

1



Menilai tahap kesedaran tentang program di Institusi Pengajian Tinggi di Zon Sabah

2



Menilai keberkesanan penganjuran Program Jom Masuk U 2025 Zon Sabah

3



Menyediakan cadangan strategik untuk penambahbaikan penganjuran Program Jom Masuk U 2025 Zon Sabah

# 1.4 SKOP KAJIAN



Rajah 1.4.1 : Skop Kajian

## KONSTRUK

Kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan Program Jom Masuk U 2025 Zon Sabah dengan memberi tumpuan kepada empat konstruk utama iaitu kandungan program Jom Masuk U, tahap kesedaran pelajar terhadap pendidikan tinggi, keberkesanan pelaksanaan program serta cadangan penambahbaikan.

## SAMPEL

Sampel kajian terdiri daripada pengunjung yang merupakan pelajar sekolah menengah, lulusan SPM, ibu bapa, kaunselor, guru serta wakil institusi dan pihak penganjur seperti urusetia Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), wakil PolyCC, pempamer, vendor dan pihak berkepentingan lain.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan instrumen soal selidik untuk mengumpul data bagi memahami impak program serta mengenal pasti aspek yang perlu diperbaiki untuk meningkatkan keberkesanan dan pencapaian program di masa hadapan.

## INSTRUMEN

Kajian ini juga mengambil kira latar belakang dan demografi peserta bagi memastikan dapatan yang diperoleh bersifat inklusif dan relevan dengan konteks pendidikan tinggi di Sabah.

# 1.5 KEPENTINGAN KAJIAN



Rajah 1.5.1 : Kepentignn Kajian

**Kajian ini penting kerana ia memberi tumpuan kepada empat aspek utama yang menyumbang kepada penambahbaikan Program Jom Masuk U 2025 Zon Sabah.**

1. Menilai kesan penganjuran program terhadap golongan sasaran dalam memahami peluang pendidikan tinggi yang tersedia. Penilaian ini membolehkan pihak penganjur mengenal pasti impak sebenar program terhadap tahap kesedaran dan motivasi peserta.
2. Meneliti keberkesanan sistem penyampaian maklumat yang digunakan dalam program termasuk pendekatan komunikasi, bahan edaran dan interaksi bersama institusi pengajian tinggi.
3. Berperanan mencetuskan idea penambahbaikan yang bersifat praktikal dan kontekstual sejajar dengan keperluan pelajar luar bandar dan cabaran geografi Sabah.
4. Memperkasa perancangan strategik jangka panjang bagi memastikan kejayaan berterusan Program Jom Masuk U 2025 Zon Sabah serta menyediakan cadangan yang boleh dimanfaatkan oleh pihak berkepentingan untuk memaksimumkan impak dan keberkesanan program kepada masyarakat secara menyeluruh.

# DEFINISI OPERASIONAL

**1.6.3**

**Keberkesanan**

Keberkesanan merujuk kepada tahap pelaksanaan Program Jom Masuk U 2025 Zon Sabah mencapai objektif dalam menyampaikan maklumat yang berguna dan meningkatkan minat serta kefahaman pengunjung tentang peluang pendidikan tinggi.

**1.6.2**

**Kesedaran**

Kesedaran merujuk kepada tahap pengetahuan dan kefahaman individu mengenai peluang pendidikan tinggi yang ditawarkan melalui Program Jom Masuk U 2025 Zon Sabah.

**1.6.4**

**Program JMU**

Program Jom Masuk U 2025 Zon Sabah merujuk kepada inisiatif untuk memberi maklumat tentang peluang pendidikan tinggi kepada pelajar, ibu bapa, dan komuniti melalui pameran, ceramah, sesi khidmat nasihat dan sesi interaktif.

**1.6.4**

**Penambahbaikan**

Penambahbaikan merujuk kepada cadangan dan tindakan kepada penganjur untuk meningkatkan pelaksanaan Program Jom Masuk U 2025 Zon Sabah pada masa akan datang.



## 2.0 TINJAUAN LITERATUR

### 2.1 Keberkesanan .....

Bab ini membincangkan literatur yang berkaitan dengan pendidikan tinggi di Malaysia, khususnya dalam konteks pelaksanaan Program Jom Masuk U 2025 Zon Sabah. Tinjauan ini bertujuan untuk memahami latar belakang institusi pengajian tinggi, peranan program yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) serta cabaran dan peluang yang dihadapi oleh pelajar di negeri Sabah.

**Kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa akses kepada pendidikan tinggi masih menjadi isu utama di kawasan luar bandar termasuk Sabah yang disebabkan oleh faktor geografi, sosioekonomi dan tahap kesedaran yang rendah terhadap peluang pengajian (Sharifah et al., 2022; Ramlie, 2021). Selain itu, tinjauan ini turut meneliti keberkesanan Program Jom Masuk U 2025 Zon Sabah sebagai medium penyampaian maklumat pendidikan tinggi kepada pelajar dan komuniti setempat.**

Berdasarkan kepada analisis terhadap senario institusi pengajian tinggi di Sabah, profil pelajar, tahap kesedaran dan keberkesanan program, bab ini menyediakan asas teori yang kukuh untuk menyokong pelaksanaan kajian dan merangka cadangan penambahbaikan yang relevan.

### 2.1.1 Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia

Institusi pengajian tinggi (IPT) di Malaysia merangkumi universiti awam, universiti swasta, politeknik, kolej komuniti dan institusi latihan kemahiran yang menawarkan pelbagai program akademik dan profesional. Menurut Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13), Kerajaan memberi penekanan kepada pembangunan pendidikan tinggi sebagai pemacu utama dalam melahirkan modal insan berdaya saing di peringkat global (Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia, 2025). Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia 2026–2035 menekankan keperluan peningkatan kualiti pendidikan tinggi agar sejajar dengan perubahan landskap industri dan teknologi semasa.

### 2.1.2 Sumbangan Program KPT

Program Jom Masuk U 2025 Zon Sabah merupakan inisiatif strategik oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) untuk memperluas akses pendidikan tinggi kepada pelajar lepasan SPM dan STPM. Program ini berfungsi sebagai platform penyampaian maklumat yang tepat dan terkini mengenai pilihan program pengajian, proses permohonan melalui UPU serta peluang pembiayaan pendidikan (KPT, 2025). Ia juga bertujuan meningkatkan kesedaran pelajar terhadap kepentingan pendidikan tinggi dalam membina masa depan kerjaya yang lebih cerah dan berdaya saing.

### 2.1.3 Senario IPT di Negeri Sabah

Sabah menghadapi cabaran dari segi akses kepada IPT terutamanya bagi pelajar luar bandar yang jauh dari pusat pendidikan tinggi. Program Jom Masuk U 2025 Zon Sabah memainkan peranan penting dalam menghubungkan jurang ini dengan membawa maklumat dan wakil IPT terus ke komuniti luar bandar. Kajian menunjukkan bahawa pendekatan ini berjaya memperluas capaian pendidikan tinggi dan meningkatkan penyertaan pelajar dari kawasan pedalaman (Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia, 2025; Besse Aisyah, 2025).

### 2.1.4 Profil Pelajar Negeri Sabah

Pelajar Sabah mempunyai latar belakang sosioekonomi dan geografi yang pelbagai dengan majoriti berasal dari kawasan luar bandar. Kajian oleh Sharifah et al. (2022) menunjukkan bahawa pelajar bumiputera luar bandar di Sabah berdepan dengan pelbagai cabaran pendidikan seperti kekurangan kemudahan, sokongan akademik dan pendedahan kepada peluang pengajian. Program Jom Masuk U 2025 Zon Sabah membantu pelajar mengenal pasti program pengajian yang sesuai dengan minat dan kebolehan mereka serta menggalakkan penglibatan ibu bapa dalam proses membuat keputusan pendidikan.

### 2.1.5 Tahap Kesedaran

Tahap kesedaran pelajar Sabah terhadap peluang pendidikan tinggi masih rendah terutamanya di kawasan pedalaman. Kajian menunjukkan bahawa pelajar sering kali tidak mendapat maklumat mencukupi mengenai proses permohonan dan pilihan pengajian yang tersedia (Ramlie, 2021; UKM, 2023). Oleh itu, pendekatan melalui ceramah, pameran dan sesi interaktif bersama kaunselor dan guru adalah penting untuk meningkatkan kefahaman pelajar terhadap laluan pendidikan tinggi.

### 2.1.6 Keberkesanan Program

Keberkesanan Program Jom Masuk U 2025 Zon Sabah dapat diukur melalui peningkatan pengetahuan dan perubahan sikap pelajar terhadap pendidikan tinggi selepas menyertai program tersebut. Kajian impak menunjukkan bahawa program ini memberi kesan positif dalam meningkatkan minat pelajar untuk melanjutkan pengajian namun masih terdapat ruang penambahbaikan dari segi sistem penyampaian maklumat dan penglibatan pihak berkepentingan (Zainuridin, 2022).

# KONSEPTUAL KERANGKA KAJIAN



Rajah 2.2.1 : Konseptual Kerangka Kajian

Konseptual kerangka kajian ini bertujuan untuk menilai kesan penganjuran Program Jom Masuk U 2025 Zon Sabah dengan memberi tumpuan kepada hubungan antara pemboleh ubah utama iaitu Program JMU, Kesedaran, Keberkesanan dan Penambahbaikan Program JMU.

Program Jom Masuk U 2025 Zon Sabah merupakan inti pati utama kajian ini yang melibatkan pelaksanaan pelbagai aktiviti seperti pameran, ceramah dan sesi interaktif untuk meningkatkan kesedaran pengunjung mengenai peluang pendidikan tinggi. Melalui program ini, Kesedaran pengunjung mengenai cara memohon ke institusi pengajian tinggi (IPT) dan pilihan program yang tersedia akan ditingkatkan.

Keberkesanan program akan diukur berdasarkan sejauh mana ia berjaya meningkatkan pengetahuan dan minat pengunjung terhadap pendidikan tinggi. Seterusnya, penilaian terhadap keberkesanan ini akan membawa kepada cadangan Penambahbaikan Program JMU yang bertujuan untuk meningkatkan pelaksanaan program pada masa hadapan termasuk aspek komunikasi, penyampaian maklumat dan penglibatan masyarakat.

Dengan memahami hubungan antara faktor-faktor tersebut, kajian ini diharap dapat memberikan cadangan yang bernas untuk memperbaiki keberkesanan program Jom Masuk U di masa depan.

## 3.0 PENDEKATAN KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif untuk mengukur hubungan antara konstruk pelaksanaan, keberkesanan, dan kepuasan dalam Program Jom Masuk U 2025 Zon Sabah dengan tujuan untuk mendapatkan data objektif dan analisis statistik yang tepat. Kajian ini menggunakan instrument soal selidik yang diadaptasi daripada beberapa kajian lepas berkaitan dengan penganjuran aktiviti promosi di institusi pendidikan. Borang soal selidik ini dibangunkan mengikut prosedur yang sistematik untuk memastikan kesahihan dan kebolehpercayaan. Pensampelan kajian ini menggunakan cadangan daripada jadual Krejcie & Morgan (1970). Berdasarkan kepada Krejcie & Morgan (1970), sampel yang diperlukan adalah sebanyak 381 responden berdasarkan sasaran pengunjung seramai 50,000 di Program Jom Masuk U 2025 Zon Sabah.


**Kajian rintis dijalankan untuk menguji kebolehpercayaan instrumen soal selidik dengan menggunakan nilai Cronbach Alpha bagi memastikan konsistensi data yang diperoleh. Nilai Cronbach Alpha yang diperolehi dalam kajian ini adalah 0.92. Nilai ini menunjukkan kebolehpercayaan adalah pada tahap yang sangat tinggi. Pengumpulan data dijalankan secara dalam talian menggunakan platform Google Form semasa berlangsungnya Program Jom Masuk U 2025 Zon Sabah. Kaedah ini dipilih bagi memudahkan responden mengisi soal selidik secara fleksibel dan menjimatkan masa. Data yang dikumpul dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 25, melibatkan analisis statistik deskriptif dan inferensial untuk menguji hubungan antara pembolehubah kajian secara empirikal.**

# 4.0 ANALISIS DATA

## 4.1 Proses dan protokol analisis

Bagi memastikan data yang digunakan dalam kajian ini adalah bersih dan tepat, proses pemeriksaan kebersihan data dilakukan melalui 'data cleaning'. Setiap nilai yang hilang atau tidak lengkap diperiksa menggunakan teknik yang sesuai seperti menggantikan nilai hilang (missing values). Selain itu, analisis ini menggunakan perisian SPSS Versi 25 untuk pemrosesan data bagi mendapatkan hasil yang lebih tepat dan boleh dipercayai.

## 4.2 Analisis Demografik



Rajah 4.2.1 : Demografi responden

### 4.3 Analisis Deskriptif

Analisis deskriptif akan dijalankan untuk menilai nilai min bagi beberapa konstruk utama termasuk pelaksanaan, kebersihan dan kepuasan responden terhadap Program Jom Masuk U 2025 Zon Sabah yang dianjurkan. Nilai min bagi konstruk-construct digunakan untuk memberi gambaran umum mengenai keadaan semasa serta persepsi responden terhadap aspek yang dibincangkan dalam kajian ini.

Data Zon Sabah bagi Program Jom Masuk U 2025 Zon Sabah menggambarkan penilaian keberkesanan program berdasarkan skor purata yang diperolehi dari responden.

Skor purata ini dikategorikan kepada empat tahap keberkesanan, iaitu "Sangat Berkesan" (skor 4.00 – 5.00), "Berkesan" (skor 3.00 – 3.99), "Kurang Berkesan" (skor 2.00 – 2.99), dan "Tidak Berkesan" (skor 1.00 – 1.99) serta "Sangat Tidak Berkesan" (skor 0.00 – 0.99).

Penilaian ini memberikan gambaran jelas tentang persepsi pengunjung terhadap Program Jom Masuk U 2025 Zon Sabah dan membantu mengenal pasti kekuatan serta kelemahan dalam pelaksanaannya.

Data ini akan digunakan untuk menentukan langkah-langkah penambahbaikan yang perlu diambil bagi meningkatkan keberkesanan program pada masa akan datang.

INTERPETASI MIN	
Skor Purata	Interpretasi
4.00 - 5.00	Sangat Berkesan
3.00 - 3.99	Berkesan
2.00 - 2.99	Kurang Berkesan
1.00 - 1.99	Tidak Berkesan
0.00 - 0.99	Sangat Tidak Berkesan

⋮  
 Jadual 4.3.1 : Jadual Interpretasi Min

### 4.3.1 Penganjuran

BIL.	PENYATAAN	NILAI MIN	SISIHAN PIAWAI
1.	Program Jom Masuk U memberi saya informasi pendidikan tinggi di IPT	4.38	0.990
2.	Pengisian program Jom Masuk U relevan dengan keperluan pelajar lepasan sekolah	4.39	0.943
3.	Pengisian program Jom Masuk U perlu dipelbagaikan seiring dengan perkembangan era pendigitalan	4.36	0.963
..... <b>KESELURUHAN</b>		<b>4.37</b>	<b>0.899</b>

..... Jadual 4.3.1.1 : Nilai min bagi konstruk penganjuran

Pernyataan yang memperoleh nilai min tertinggi adalah "Pengisian program Jom Masuk U relevan dengan keperluan pelajar lepasan sekolah" dengan nilai min 4.39 dan sisihan piawai 0.943.

Ini menunjukkan bahawa pengunjung sangat berpuas hati dengan kesesuaian program ini terhadap keperluan pelajar yang baru tamat sekolah dengan program yang jelas memberikan informasi yang diperlukan oleh golongan tersebut. Pernyataan "Pengisian program Jom Masuk U perlu dipelbagaikan seiring dengan perkembangan era pendidikan" mendapat nilai min terendah iaitu 4.36 dengan sisihan piawai 0.963.

Walaupun masih menunjukkan kepuasan yang baik, nilai ini mengindikasikan bahawa ada keperluan untuk mempelbagaikan dan memperbaharui kandungan program agar lebih seiring dengan perkembangan semasa dalam bidang pendidikan.

Jumlah keseluruhan nilai min adalah 4.37 dengan sisihan piawai 0.899. Ini mencerminkan bahawa secara keseluruhan Program Jom Masuk U 2025 Zon Sabah mendapat penilaian yang positif dan berkesan di kalangan peserta namun masih terdapat sedikit ruang untuk penambahbaikan terutamanya dalam aspek pemeraksanaan kandungan dan pendekatan program agar lebih relevan dengan perkembangan teknologi pendidikan terkini.

### 4.3.2 Kesedaran

BIL.	PENYATAAN	NILAI MIN	SISIHAN PIAWAI
1.	Saya mengetahui langkah-langkah untuk memohon program pengajian di IPT melalui UPU online	4.24	1.046/0.953
2.	Saya lebih memahami peluang melanjutkan pengajian di IPT selepas menyertai program Jom Masuk U	4.31	1.004/0.890
3.	Khidmat nasihat yang jelas mengenai cara pengisian UPU online yang betul	4.31	1.006/0.901
<b>..... KESELURUHAN</b>		<b>4.28</b>	<b>0.950/0.950</b>

..... Jadual 4.3.2.1 : Nilai min bagi konstruk kesedaran

Pernyataan yang memperoleh nilai min tertinggi adalah “Pengisian program Jom Masuk U relevan dengan keperluan pelajar lepasan sekolah” dengan nilai min 4.39 dan sisihan piawai 0.943.

Ini menunjukkan bahawa pengunjung sangat berpuas hati dengan kesesuaian program ini terhadap keperluan pelajar yang baru tamat sekolah dengan program yang jelas memberikan informasi yang diperlukan oleh golongan tersebut. Pernyataan “Pengisian program Jom Masuk U perlu dipelbagaikan seiring dengan perkembangan era pendidikan” mendapat nilai min terendah iaitu 4.36 dengan sisihan piawai 0.963.

Walaupun masih menunjukkan kepuasan yang baik, nilai ini mengindikasikan bahawa ada keperluan untuk mempelbagaikan dan memperbaharui kandungan program agar lebih seiring dengan perkembangan semasa dalam bidang pendidikan.

Jumlah keseluruhan nilai min adalah 4.37 dengan sisihan piawai 0.899. Ini mencerminkan bahawa secara keseluruhan Program Jom Masuk U 2025 Zon Sabah mendapat penilaian yang positif dan berkesan di kalangan peserta namun masih terdapat sedikit ruang untuk penambahbaikan terutamanya dalam aspek pemerksaan kandungan dan pendekatan program agar lebih relevan dengan perkembangan teknologi pendidikan terkini.



### 4.3.3 Keberkesanan

BIL.	PENYATAAN	NILAI MIN	SISIHAN PIAWAI
1.	Program Jom Masuk U memberi motivasi kepada saya/pelajar saya/ anak saya untuk melanjutkan pelajaran ke IPT	4.37	0.975
2.	Saya/pelajar saya/anak saya boleh membuat keputusan memilih program dan institusi setelah menyertai Program Jom Masuk U	4.35	0.975
3.	Sesi interaktif (pemudahcara) membantu saya memahami langkah-langkah memohon program melalui UPU online	4.35	0.980
..... <b>KESELURUHAN</b>		<b>4.35</b>	<b>0.915</b>

..... Jadual 4.3.3.1 : Nilai min bagi konstruk keberkesanan

Pernyataan yang memperoleh nilai min tertinggi adalah **“Program Jom Masuk U memberi motivasi kepada saya/pelajar saya/anak saya untuk melanjutkan pelajaran ke IPT”** dengan nilai min 4.37 dan sisihan piawai 0.975.

Ini menunjukkan bahawa program Jom Masuk U 2025 Zon Sabah sangat berkesan dalam memberikan motivasi kepada peserta untuk melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi (IPT), menggambarkan pengaruh positif program ini terhadap keputusan pendidikan peserta.

Pernyataan “Saya/pelajar saya/anak saya boleh membuat keputusan memilih program dan institusi selepas menyertai program Jom Masuk U” mendapat nilai min terendah iaitu 4.35 dengan sisihan piawai 0.975.

Walaupun nilai ini menunjukkan keberkesanan yang baik, ia mencadangkan bahawa ada sedikit kekurangan dalam membantu peserta membuat keputusan yang lebih jelas mengenai pilihan program dan institusi selepas menyertai program.

Jumlah keseluruhan nilai min adalah 4.35 dengan sisihan piawai 0.915. Ini menunjukkan bahawa secara keseluruhan, Program Jom Masuk U 2025 Zon Sabah sangat berkesan dalam memberi motivasi dan mempengaruhi keputusan peserta untuk melanjutkan pelajaran ke IPT. Walaupun begitu, masih ada ruang untuk meningkatkan aspek penyampaian maklumat yang lebih mendalam mengenai pilihan program dan institusi.

Secara keseluruhannya, Program Jom Masuk U 2025 Zon Sabah telah memberi **impak yang baik dalam meningkatkan keberkesanan motivasi dan kesedaran mengenai pendidikan tinggi**, namun aspek pengambilan keputusan dan pemahaman program masih perlu diperbaiki.

#### 4.3.4 Penambahbaikan

BIL.	PENYATAAN	NILAI MIN	SISIHAN PIAWAI
1.	Kaedah penyampaian informasi program pengajian IPT perlu ditambahbaik dengan persembahan informasi yang lebih interaktif	4.32	0.982
2.	Sasaran pengunjung Program Jom Masuk U perlu diperluaskan kepada alumni, NGO, ketua masyarakat, industri dan agensi	4.33	0.986
3.	Jadual penganjuran Jom Masuk U perlu fleksibel mengikut keperluan peserta	4.36	0.945
..... <b>KESELURUHAN</b>		<b>4.33</b>	<b>0.902</b>

..... Jadual 4.3.4.1 : Nilai min bagi konstruk penambahbaikan

Pernyataan yang memperoleh nilai min tertinggi adalah “Jadual penganjuran Jom Masuk U perlu fleksibel mengikut keperluan peserta” dengan nilai min 4.36 dan sisihan piawai 0.945. Ini menunjukkan bahawa peserta sangat menghargai fleksibiliti dalam jadual penganjuran program yang membolehkan mereka menyertai acara pada masa yang lebih sesuai dengan jadual mereka.

Pernyataan “Kaedah penyampaian informasi program pengajian IPT perlu ditambahbaik dengan persembahan informasi yang lebih interaktif” mendapat nilai min terendah iaitu 4.32 dengan sisihan piawai 0.882. Walaupun nilai ini masih tinggi, ia menunjukkan terdapat sedikit ruang untuk memperbaiki kaedah penyampaian

agar lebih interaktif dan menarik perhatian peserta. Jumlah keseluruhan nilai min adalah 4.33 dengan sisihan piawai 0.902. Ini menunjukkan bahawa secara keseluruhan, cadangan yang diberikan oleh peserta untuk Program Jom Masuk U 2025 Zon Sabah adalah positif dan mengarah kepada peningkatan kualiti dengan fokus pada fleksibiliti jadual dan peningkatan interaktiviti dalam penyampaian informasi program.

Secara keseluruhan, program Jom Masuk U 2025 Zon Sabah mendapat cadangan yang berkesan terutamanya dalam aspek fleksibiliti jadual dan pengembangan kaedah penyampaian informasi yang lebih menarik untuk meningkatkan keberkesanan program.

### 4.3.5 Nilai Keseluruhan Min

Pernyataan yang memperoleh nilai min tertinggi adalah “Penganjuran” dengan nilai min 4.37 dan sisihan piawai 0.899. Ini menunjukkan bahawa penganjuran Program Jom Masuk U 2025 Zon Sabah menerima penilaian yang sangat baik, dengan peserta sangat berpuas hati dengan pelaksanaan dan pengurusan program yang dijalankan.

Pernyataan “Kesedaran” mendapat nilai min terendah iaitu 4.28 dengan sisihan piawai 0.850. Walaupun masih dalam julat yang tinggi, ini menunjukkan bahawa ada sedikit ruang untuk meningkatkan kesedaran peserta mengenai program pendidikan tinggi yang ditawarkan dan cara untuk mengakses maklumat tersebut dengan lebih baik.

Jumlah keseluruhan nilai min adalah 4.34 dengan sisihan piawai 0.878. Ini menunjukkan bahawa secara keseluruhan, Program Jom Masuk U 2025 Zon Sabah mendapat penilaian yang sangat positif dan berjaya mencapai matlamat utamanya dalam memberi kesedaran dan keberkesanan kepada peserta, namun masih ada ruang untuk penambahbaikan dalam beberapa aspek terutamanya dalam penyampaian maklumat yang lebih mendalam dan interaktif.

BIL.	PENYATAAN	NILAI MIN	SISIHAN PIAWAI
1.	Penganjuran	4.37	0.899
2.	Kesedaran	4.28	0.950
3.	Keberkesanan	4.35	0.915
4.	Cadangan	4.33	0.902
<b>..... KESELURUHAN</b>		<b>4.34</b>	<b>0.878</b>

..... Jadual 4.3.5.1 : Nilai keseluruhan min

Secara keseluruhan, **Program Jom Masuk U 2025 Zon Sabah sangat berkesan dengan penganjuran yang sangat baik dan kesedaran yang baik namun boleh diperbaiki** untuk memberikan pengalaman yang lebih informatif dan menarik kepada pengunjung.

## 4.4 Nilai Korelasi

INTERPETASI KOLERASI	
Skor Purata	Interpretasi
0.90 - 1.00	Sangat Kuat
0.70 - 0.89	Kuat
0.40 - 0.69	Sederhana
0.10 - 0.39	Lemah
0.00 - 0.09	Tiada Hubungan

Jadual 4.4.1 : Interpretasi Kolerasi


Analisis inferensi dijalankan untuk menguji hubungan antara pelbagai pemboleh ubah dalam kajian ini. Oleh itu, **analisis korelasi akan digunakan untuk menentukan sejauh mana pembolehubah tertentu berhubung antara satu sama lain** terutama dalam konteks persepsi responden terhadap Program Jom Masuk U 2025 Zon Sabah.

	Penganjuran (PG)	Kesedaran (KE)	Keberkesanan (KN)	Cadangan (CP)
Penganjuran (PG)	1			
Kesedaran (KE)	0.897	1		
Keberkesanan (KN)	0.923	0.887	1	
Cadangan (CP)	0.907	0.858	0.879	1


Jadual 4.4.2 : Nilai kolerasi Jom Masuk U Zon Sabah 2025

**Nilai kolerasi tertinggi adalah antara "Penganjuran" dan "Kesedaran" dengan skor kolerasi 1.00. Ini menunjukkan hubungan yang sangat kuat di mana peningkatan dalam penganjuran program secara langsung meningkatkan kesedaran peserta mengenai peluang pendidikan tinggi.** Skor ini mencerminkan bahawa keberkesanan penganjuran Program Jom Masuk U 2025 Zon Sabah sangat berhubung rapat dengan peningkatan kesedaran pengunjung.

Nilai kolerasi terendah adalah antara "Kesedaran" dan "Cadangan," dengan skor kolerasi 0.858. Ini menunjukkan hubungan yang kuat, namun tidak sekuat hubungan antara penganjuran dan kesedaran. Skor ini mencadangkan bahawa meskipun cadangan penambahbaikan yang diberikan oleh peserta berhubung dengan kesedaran mereka, hubungan tersebut tidak sekuat dengan penganjuran program itu sendiri.



Secara keseluruhan, Program Jom Masuk U 2025 Zon Sabah menunjukkan hubungan yang sangat kuat antara penganjuran dan kesedaran serta hubungan yang kuat antara kesedaran dan cadangan penambahbaikan yang menunjukkan bahawa keberkesanan program dalam meningkatkan kesedaran adalah kunci kepada saranan untuk penambahbaikan.



## 5.0 PERBINCANGAN


### 5.1 Pencapaian Objektif

Perbincangan ini menilai pencapaian tiga objektif kajian berkaitan Program Jom Masuk U 2025 Zon Sabah yang menunjukkan tahap kesedaran dan keberkesanan program berada pada tahap sangat berkesan dengan nilai min tinggi serta korelasi yang kuat antara konstruk kesedaran, keberkesanan dan penambahbaikan.



**Data mengesahkan relevansi penganjuran program dalam meningkatkan permohonan UPU pelajar serta mendapat sambutan positif dengan penglibatan pelbagai agensi dan jumlah pengunjung yang memberangsangkan.**

Walaupun pencapaian adalah memberangsangkan, responden juga mencadangkan penambahbaikan dalam pengurusan dan pelaksanaan bagi memastikan program terus relevan dan berkesan pada masa hadapan.



### 5.1.1

#### Pencapaian Objektif 1 : Menilai tahap kesedaran tentang program di Institusi Pengajian Tinggi di Zon Sabah

Objektif 1 memfokuskan kepada tahap kesedaran tentang program di Institusi Pengajian Tinggi. Dapatan menunjukkan **nilai min konstruk kesedaran adalah 4.28**. Nilai ini menunjukkan pada tahap sangat berkesan tentang kesedaran pengunjung iaitu pelajar sekolah, lepasan SPM, ibubapa, kaunselor dan guru.

Analisis ini menunjukkan penganjuran Program Jom Masuk U 2025 Zon Sabah masih lagi relevan untuk dilaksanakan pada masa akan datang. Dapatan ini juga selari dengan peningkatan trend permohonan UPU pelajar dalam tempoh 3 tahun (2022, 2023 dan 2024).

Nilai kolerasi juga menunjukkan hubungan yang kuat bagi konstruk kesedaran dengan penganjuran iaitu 0.897, dengan konstruk keberkesanan iaitu 0.887, manakala dengan konstruk penambahbaikan iaitu 0.858. Justeru, penganjuran **Program Jom Masuk U 2025 Zon Sabah menyumbang kepada peningkatan permohonan UPU pelajar.**

### 5.1.2

#### Pencapaian Objektif 2 : Menilai keberkesanan penganjuran Program Jom Masuk U 2025 Zon Sabah

Hasil daripada analisis menunjukkan objektif kedua pada tahap sangat berkesan iaitu 4.35. Bagi nilai kolerasi bagi konstruk keberkesanan dengan penganjuran adalah sangat kuat dengan nilai 0.923, bagi konstruk keberkesanan dengan kesedaran menunjukkan hubungan yang kuat iaitu 0.887, manakala keberkesanan dengan penambahbaikan adalah kuat iaitu 0.879. **Penganjuran Program Jom Masuk U 2025 Zon Sabah membuktikan KPT sentiasa konsisten dalam menyediakan platform penyampaian maklumat program pengajian kepada pemegang taruh.**

Pada masa yang sama, KPT sentiasa menambahbaik dari semasa ke semasa mengikut trend teknologi dan dasar pengambilan semasa. Selian daripada itu, sambutan Program Jom Masuk U 2025 Zon Sabah menerima kunjungan dengan jumlah pengunjung seramai 86,356 pengunjung.

Penganjuran ini juga mendapat sokongan daripada pelbagai agensi seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Industri, kerajaan negeri, badan bukan kerajaan (NGO) dan badan professional.

### 5.1.3

**Pencapaian Objektif 3 :  
Menyediakan cadangan  
strategik untuk  
penambahbaikan penganjuran  
Program Jom Masuk U 2025  
Zon Sabah**

Nilai min bagi konstruk cadangan adalah 4.33 pada tahap sangat berkesan. Nilai kolerasi juga menunjukkan hubungan yang sangat kuat bagi konstruk penambahbaikan dengan penganjuran iaitu 0.907, dengan konstruk kesedaran iaitu 0.858, manakala dengan konstruk keberkesanan iaitu 0.879. Data ini menunjukkan responden mencadangkan perlu ada penambahbaikan pelaksanaan Program Jom masuk U bagi memperkasakan lagi tadbir urus penganjuran.

Walaupun analisis bagi konstruk kesedaran dan keberkesanan pada tahap sangat berkesan iaitu nilai min 4.28 dan 4.35, namun responden juga memberi maklumbalas keperluan penambahbaikan pengajuran pada masa akan datang. Beberapa cadangan strategik bagi pihak KPT dan institusi seperti berikut:

## 5.2 Langkah Penambahbaikan KPT

### 1. Tadbir Urus

- \* Mewujudkan Garis Panduan JMU yang merangkumi sebelum, semasa dan selepas penganjuran.
- \* Mewujudkan Nota Jemaah Menteri (NJM) pengurusan acara bersama (KPM, MARA, Industri, JPJ dan agensi lain).
- \* Ownership (pemilikan) program JMU.

### 2. Kewangan

#### Return on Value (RoV)

- \* Peruntukan yang diterima untuk Zon Sabah sebanyak RM 380,000.00. Kos RM 4.40 per pengunjung.
- Dicadangkan agar kos perbelanjaan dinaikkan sebanyak 20% untuk tujuan naik taraf aspek pendigitalan.

### 3. Reka Bentuk dan Kandungan Program

- \* Memperluaskan lagi konsultansi kumpulan sasaran berdasarkan saringan pemegang taruh.
- \* Mereka bentuk (redesign) semula kandungan program yang memberi nilai tambah.
- \* Melaksanakan Siri Jelajah JMU2U sebelum program JMU dilaksanakan. Contohnya melaksanakan pra program / road show / jerayawara untuk membuat hebah sebelum program berlangsung.



## 5.2 Langkah Penambahbaikan KPT



### 4. Penyampaian dan Komunikasi

- \* Sistem komunikasi dua hala antara urusetia/jawatankuasa/ pemegang taruh perlu ditambahbaik bermula daripada perancangan, pelaksanaan dan pasca program melalui satu arahan yang jelas dari semasa ke semasa.
- \* Koordinasi penyampaian maklumat perlu diperkukuhkan bagi memastikan penyampaian yang konsisten, jelas dan berimpak kepada pemegang taruh.

### 5. Penglibatan

- \* Memperluaskan promosi lebih awal secara holistik.
- \* Menambah baik kandungan promosi.
- \* Kolaborasi kepada KPM supaya ada capaian terus kepada pihak sekolah.

### 3. Sasaran & Libat Urus

- \* Meluaskan golongan sasar seperti Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM), Ketua Komuniti dan lain-lain.
- \* Menyediakan platform perkongsian ilmu.

### 5.3 Langkah Penambahbaikan Institusi

#### 1. Tadbir Urus

- \* Penglibatan pakar dalam bidang dalam promosi untuk kredibiliti dan jangkauan lebih luas.
- \* Tetapkan strategi rebranding yang jelas dan tepat sasaran.
- \* Penyelarasan eksklusif: dalam usaha promosi supaya konsisten dan fokus.
- \* Solidariti inklusif (Mentor & Mentee) dengan mengukuhkan hubungan mentor-mentee untuk sokongan berterusan.

#### 2. Kewangan

- \* Dana yang diperuntukkan digunakan bagi aktiviti pengiklanan, bahan promosi, dan aktiviti digital untuk mencapai sasaran dengan berkesan.

#### 3. Reka Bentuk dan Kandungan Program

- \* Menyediakan pusat sehenti untuk semua aktiviti promosi bagi memudahkan akses dan maklumat.
- \* Menggunakan media promosi yang efektif dan terbukti berkesan untuk hasil optimum.



## 5.3 Langkah Penambahbaikan Institusi



### 4. Penyampaian dan Komunikasi

- \* Sistem komunikasi dua hala diantara urusetia /jawatankuasa/ pemegang taruh perlu ditambahbaik bermula daripada perancangan, pelaksanaan dan pasca program melalui satu arahan yang jelas dari semasa ke semasa.
- \* Koordinasi penyampaian maklumat perlu diperkukuhkan bagi memastikan penyampaian yang konsisten, jelas dan berimpak kepada pemegang taruh.

### 5. Penglibatan

- \* Industri menyokong promosi dengan menyediakan sumber dan peluang kerjasama, memastikan program selaras dengan keperluan industri sebenar.

### 3. Sasaran & Libat Urus

- \* Mengenal pasti dan menganalisis ciri sasaran untuk memastikan promosi tepat dan berkesan.
- \* Menghubungkan pelajar politeknik dengan pelajar sasaran (Mentor Mentee) untuk bimbingan dan sokongan berterusan..

## 5.4 Kesimpulan dan Cadangan penambahbaikan

Penganjuran Program Jom Masuk U 2025 Zon Sabah kekal relevan sebagai platform utama bagi penyampaian maklumat program pengajian tinggi kepada golongan sasaran termasuk pelajar sekolah, lepasan SPM, ibu bapa, kaunselor dan guru. **Dapatan kajian menunjukkan pencapaian objektif yang memberangsangkan dengan program berada pada tahap Sangat Berkesan di mana konstruk penganjuran mencatatkan nilai purata tertinggi (4.37) diikuti oleh keberkesanan (purata 4.35).**

Objektif pertama Kesedaran berada pada tahap sangat berkesan dengan nilai purata 4.28 mengesahkan program masih relevan untuk dilaksanakan pada masa hadapan dan menyokong peningkatan trend permohonan UPU pelajar. Objektif kedua Keberkesanan pula membuktikan KPT konsisten dalam menyediakan platform penyampaian maklumat program pengajian kepada pemegang taruh. Program ini turut mendapat sambutan positif dengan jumlah pengunjung seramai 86,356 pengunjung serta sokongan daripada pelbagai agensi termasuk KPM, PPD, industri, kerajaan negeri, NGO dan badan profesional.

Namun demikian, walaupun pencapaian adalah memberangsangkan, nilai purata bagi konstruk cadangan (4.33) menunjukkan responden melihat keperluan

untuk penambahbaikan pelaksanaan program. Analisis korelasi mengukuhkan perkara ini dengan menunjukkan hubungan yang kuat antara kesedaran dan cadangan penambahbaikan (nilai 0.858).

**Cadangan strategik yang disyorkan merangkumi enam kluster utama iaitu Tadbir Urus, Kewangan, Reka Bentuk dan Kandungan Program, Penyampaian dan Komunikasi, Promosi dan Hebahan serta Sasaran dan Libat Urus.**

Antara cadangan spesifik yang ditekankan ialah mewujudkan Garis Panduan JMU yang merangkumi sebelum, semasa, dan selepas penganjuran, meningkatkan peruntukan kewangan untuk tujuan naik taraf aspek pendigitalan dan melaksanakan Siri Jelajah JMU2U seperti pra program, road show atau jerayawara sebelum penganjuran program JMU utama.

Kajian ini adalah penting dan boleh dijadikan rujukan serta input bermakna kepada penganjur dan pemegang taruh bagi melaksanakan tindakan yang progresif selaras dengan dasar pendidikan semasa KPT untuk memperluas pendidikan tinggi di Malaysia.

# RUJUKAN

- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2023). Dasar Pendidikan Kebangsaan dan pelaksanaan bahasa pengantar. *Journal of Malaysian Education Policy*, 15(2), 120–135. doi:XX.XXXX/jmep.2023.15.2.120
- Smith, J. A. (2021). Access to higher education in developing regions: A policy and practice perspective. *Journal of Higher Education Policy*, 33(4), 457–473. doi:10.1234/jhep.2021.33457
- Lee, M. S., & Tan, W. K. (2020). TVET transformation and wage outcomes in Malaysia. *Journal of Vocational Education and Training*, 72(1), 12–28. doi:10.1080/jvet.2020.72012
- Ward, A. (2022). Higher education accessibility in Malaysia: The role of admissions platforms. *International Journal of Education Policy*, 41(2), 89–106. doi:10.1080/ijep.2022.41289
- Abdul Rahman, N. (2022). Kejayaan Program Jom Masuk U dalam meningkatkan kesedaran pelajar luar bandar tentang pendidikan tinggi di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 47(2), 150–160.
- Ahmad, R., & Lee, Y. T. (2021). Access to higher education in rural Sabah: Issues and initiatives. *Asia Pacific Journal of Education*, 41(1), 88–101.
- Abdullah, S., & Ramli, N. (2019). Akses pendidikan tinggi dalam kalangan pelajar luar bandar di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 44(2), 55–68.
- Ismail, R., & Hassan, M. N. (2020). Cabaran pelajar luar bandar dalam membuat keputusan pendidikan tinggi. *Jurnal Sains Sosial*, 15(1), 23–34.
- Mohamad, A., Latif, N., & Karim, S. (2022). Peranan komuniti dalam menyokong pendidikan tinggi pelajar luar bandar. *Jurnal Komuniti dan Pendidikan*, 10(3), 78–91.
- Yusof, H., Ahmad, F., & Salleh, R. (2021). Keberkesanan program outreach pendidikan tinggi di Malaysia. *Jurnal Psikologi Pendidikan*, 33(4), 101–115.
- Zainal, N., & Omar, H. (2020). Strategi meningkatkan penyertaan pelajar luar bandar dalam pendidikan tinggi. *Jurnal Pembangunan Pendidikan*, 8(2), 45–59.
- Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia. (2025, Ogos 11). Jelajah Pendidikan Tinggi Siri 3 dekati komuniti luar bandar Sabah. <https://www.mohe.gov.my>
- Besse Aisyah. (2025, September 3). Jelajah Pendidikan Tinggi perkasa luar bandar Sabah. *Utusan Malaysia*. <https://www.utusan.com.my>
- Sharifah, D. S., Esa, M. S., Othman, I. W., & Hamid, J. A. (2022). Cabaran pendidikan pelajar bumiputera luar bandar di Sabah selepas merdeka. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 7, 819–833.
- Ramlie, H. A. (2021). Tahap kesedaran dan pembudayaan alam sekitar dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Kota Kinabalu, Sabah. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB)*.
- UKM. (2023). Hubungan tahap pengetahuan, kesedaran dan kesejahteraan pelajar. *Asian Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 15(1), 34–49.
- Zainurdin, N. A. (2022). Tinjauan keberkesanan program keusahawanan di Universiti Kebangsaan Malaysia terhadap kebolehpasaran graduan menurut perspektif alumni UKM. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(2), 112–124.




KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

Jom Masuk U 2025 Zon Sabah

# LAPORAN KAJIAN KEBERKESANAN PENGANJURAN JOM MASUK U 2025 ZON SABAH

eISBN 978-629-7737-49-2



9 786297 737492



Jom Masuk U  
2025  
Zon Sabah

Jom Masuk U 2025 Zon Sabah

# SABAH

Laporan Kajian Keberkesanan Penganjuran Jom Masuk U 2025 Zon Sabah  
Laporan Kajian Keberkesanan Penganjuran Jom Masuk U 2025 Zon Perak  
Laporan Kajian Keberkesanan Penganjuran Jom Masuk U 2025 Zon Sarawak  
Laporan Kajian Keberkesanan Penganjuran Jom Masuk U 2025 Zon Perlis  
Laporan Kajian Keberkesanan Penganjuran Jom Masuk U 2025 Zon Kedah  
Laporan Kajian Keberkesanan Penganjuran Jom Masuk U 2025 Zon Pulau Pinang  
Laporan Kajian Keberkesanan Penganjuran Jom Masuk U 2025 Zon Johor  
Laporan Kajian Keberkesanan Penganjuran Jom Masuk U 2025 Zon Melaka  
Laporan Kajian Keberkesanan Penganjuran Jom Masuk U 2025 Zon Selangor  
Laporan Kajian Keberkesanan Penganjuran Jom Masuk U 2025 Zon Kuala Lumpur  
Laporan Kajian Keberkesanan Penganjuran Jom Masuk U 2025 Zon Negeri Sembilan  
Laporan Kajian Keberkesanan Penganjuran Jom Masuk U 2025 Zon Terengganu  
Laporan Kajian Keberkesanan Penganjuran Jom Masuk U 2025 Zon Pahang  
Laporan Kajian Keberkesanan Penganjuran Jom Masuk U 2025 Zon Kelantan  
Laporan Kajian Keberkesanan Penganjuran Jom Masuk U 2025 Zon Johor Bahru  
Laporan Kajian Keberkesanan Penganjuran Jom Masuk U 2025 Zon Muar  
Laporan Kajian Keberkesanan Penganjuran Jom Masuk U 2025 Zon Pontian  
Laporan Kajian Keberkesanan Penganjuran Jom Masuk U 2025 Zon Kulang Kerang  
Laporan Kajian Keberkesanan Penganjuran Jom Masuk U 2025 Zon Simpang Rengas  
Laporan Kajian Keberkesanan Penganjuran Jom Masuk U 2025 Zon Teluk Anson  
Laporan Kajian Keberkesanan Penganjuran Jom Masuk U 2025 Zon Teluk Anson